

'Kerajaan tak pernah pinggirkan projek di kawasan pembangkang'

PM tegaskan wakil rakyat enggan terima pelawaan berbincang

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Datuk Seri Anwar menegaskan kerajaan tidak pernah membelakangkan projek di kawasan pembangkang, sebaliknya wakil rakyat dari blok itu yang enggan menerima pelawaan berbincang mengenai projek belum diluluskan di kawasan mereka.

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan pembangkang ketika ini hanya mengecam kerajaan, termasuk mendakwa kerajaan zalim kerana tidak memberi kelulusan terhadap projek yang dicadangkan.

"Ini soal yang dibangkitkan mengenai projek kawasan yang dikatakan oleh pembangkang. Bila saya jadi Perdana Menteri, saya jawab, dengan perundingan, kita akan segera meluluskan projek daripada pembangkang, sama seperti ahli Parlimen kerajaan.

"Bagi pihak kerajaan, saya telah minta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof untuk pelawa dan bincang dengan ahli Parlimen pembangkang, tetapi sampai sekarang mereka enggan adakan rundingan itu.

"Mereka terus kecam, kata tidak bagi kelulusan, zalim. Dahulu, kamu juga tak bagi, tak zalimlah. Dalam politik ini (pembangkang) guna agama, dia putuskan hukum, (kerajaan) tak bagi kedudukan, zalim. Jadi kamu 30 tahun tak bagi peruntukan,

zalim atau tak?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup Konvensyen Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat: Pembangunan MADANI, Rakyat Disantuni yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali di Merbok, dekat sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau tahu peranannya sebagai Perdana Menteri menjaga kepentingan semua rakyat dan menegaskan, kerajaan mahu memastikan semua projek untuk rakyat berjalan, sama ada melalui ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan atau pembangkang.

"Ia tidak mempengaruhi keputusan kita untuk menentukan projek rakyat mesti diutamakan. Ia perlu ada satu mesyuarat, setuju hari ini, esok saya luluskan. Contoh Isnin kita setuju, Selasa saya luluskan walaupun Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak lama lagi, ia tak jadi isu.

Boleh laksana terus projek

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kebenaran projek penyelenggaraan dan pembaikan kecil dengan nilai RM1 juta dilaksanakan terus pada peringkat negeri atau daerah, berkuat kuasa serta merta sehingga 31 Disember bagi memastikan projek disiapkan dalam tahun semasa.

"Boleh laksana terus tanpa perlu lalui Jabatan Teknikal, termasuk Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Pengesahan kerja siap boleh dibuat ketua jabatan, pegawai diturunkan kuasa di peringkat agensi pelaksana negeri dan daerah dengan patuhi kesempurnaan kerja mengikut tadbir urus baik," katanya.

Anwar turut memberi tempoh seminggu kepada semua pejabat daerah untuk menghantar senarai projek berkepentingan di kawasan masing-masing bagi mem-



Anwar beramah mesra dengan pelajar pada Majlis Sambutan Jubli Intan Sekolah Agama Nahdhah Hasanah, Melele, Kodiang, semalam. (Foto Syaharim Abidin/BH)

percepat proses pembangunan.

"Kalau projek itu memang penting dan prosesnya telus, termasuk dalam soal lantikan kontraktor munasabah, maka kita boleh teruskan. Saya bimbang kalau ada projek pembangunan yang terabai begitu lama. Pendekatan kita adalah untuk kurangkan masalah rakyat.

"Saya nak beri jaminan kepada pegawai daerah, jangan bimbang kalau dari segi teknikal sedikit, saya beritahu SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) jangan ganggu kalau ada beberapa kelemahan prosedur teknikal.

"Yang kita harus ganggu ialah yang 'merompak', guna kontraktor sama, itu akan disiasat. Hari ini saya bagi jaminan, saya beritahu SPRM dan Ketua Penolong Setiausaha (KPSU), kita tidak akan rumitkan kerja pegawai daerah kerana tidak mahu lagi ada kelewatan," katanya.

Di Jitra, Anwar menafikan kerajaan bersikap Islamis atau cuba menerapkan konsep Islam secara lebih kukuh dalam pentadbiran apabila memperluaskan

peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke kementerian lain.

Berucap pada Majlis Sambutan Jubli Intan Sekolah Menengah Agama (SMA) Nahdhah Hasanah, Melele, Kodiang, Perdana Menteri berkata, tuduhan itu menunjukkan pihak berkenaan tidak faham kepentingan mendidik umat Islam mengenai konsep Islam sebenar.

Katanya, jika umat Islam tidak mendapat kefahaman dalam ajaran Islam yang tepat, dibimbangi berlaku pertembungan lebih serius dalam kalangan rakyat pelbagai agama di negara ini pada masa hadapan.

"Sebab itu pemimpin mesti dampingi ulama, pemimpin perlu bawa perubahan, bela nasib orang susah dan miskin yang teraniaya, sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan, kita tingkatkan peranan JAKIM.

"Bukan setakat jaga agama, tugasnya diperluas untuk bicara mengenai ekonomi, program digital dan pendidikan agar nilai

Islam diterap. Ini ditentang bukan Islam, ada kelompok kecil bukan Islam menulis, Anwar kini tunjuk sikap Islamis yang kukuh yang diselindunginya selama ini.

"Ini haprak punya pandangan, saya nak beritahu kepada rakan bukan Islam, terima kasih atas sokongan, tetapi mereka kena faham, jika umat Islam ilmunya dangkal, kecenderungannya menghukum, bersikap bengis dan keras, semua ini tak bawa rakyat mendekati Islam," katanya.

Turut menepis dakwaan cuba membawa konsep Islam berlebihan, Perdana Menteri berkata, ia dapat dibuktikan apabila kerajaan tidak mendapat tentangan pemimpin bukan Islam lain berkait program berkaitan Islam selepas mereka diberikan penjelasan.

"Masa depan kita akan lebih celaru akibat pertembungan dua pihak. Disebabkan itu saya bentuk Yayasan Karyawan yang tugasnya menerbitkan karya besar Islam bagi memberi kesedaran dan kefahaman," katanya.